



SIARAN MEDIA

Media Release

INDEKS HARGA PENGGUNA

Consumer Price Index

(Jan 2015=100)

FEBRUARI 2023

FEBRUARY 2023



**SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**INDEKS HARGA PENGGUNA
FEBRUARI 2023
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

TAJUK UTAMA:

INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP) MENINGKAT SEBANYAK 0.5 PERATUS BAGI BULAN FEBRUARI 2023 BERBANDING JANUARI 2023

1. Bagi bulan Februari 2023, Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat sebanyak 0.5 peratus bulan-ke-bulan berbanding dengan bulan Januari 2023. Ini adalah disebabkan oleh peningkatan harga Makanan dan Minuman Ringan; dan harga Bukan Makanan masing-masing sebanyak 0.5 peratus.
2. Peningkatan bulan-ke-bulan bagi harga Makanan dan Minuman Ringan adalah disumbangkan oleh Sayur-Sayuran (5.9 peratus); Beras dan Bijirin (0.4 peratus); dan Susu, Produk Tenusu dan Telur (0.3 peratus). Peningkatan harga Sayur-Sayuran adalah disebabkan oleh kenaikan kos bawang merah daripada negara pembekal. Manakala, peningkatan harga Bukan Makanan adalah disumbangkan oleh Pakaian dan Kasut (9.7 peratus); Perhiasan, Peralatan Isi Rumah dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah (1.3 peratus); dan Rekreasi dan Kebudayaan (0.7 peratus).
3. Bagi perubahan tahun-ke-tahun, IHP meningkat sebanyak 1.2 peratus berbanding dengan bulan Februari 2022. Peningkatan ini adalah didorong oleh peningkatan harga Makanan dan Minuman Ringan; dan harga Bukan Makanan masing-masing sebanyak 4.5 peratus dan 0.3 peratus.
4. Peningkatan tahun-ke-tahun bagi harga Makanan dan Minuman Ringan adalah disebabkan oleh kenaikan harga seperti Daging (7.6 peratus); Beras dan Bijirin (6.9 peratus); dan Susu, Produk Tenusu dan Telur (5.4 peratus). Harga daging ayam, iaitu penyumbang utama kepada kenaikan harga Daging, meningkat disebabkan oleh peningkatan kos makanan ternakan ayam. Peningkatan harga Beras dan Bijirin adalah terutamanya didorong oleh kenaikan harga bahan-bahan mentah bagi kek, pastri dan biskut. Manakala, kenaikan harga telur adalah antara komponen utama bagi peningkatan harga kategori Susu, Produk Tenusu dan Telur.
5. Peningkatan harga Bukan Makanan pula adalah didorong oleh Restoran dan Hotel (4.2 peratus); Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain (1.3 peratus); dan Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan (1.3 peratus).
6. Kenaikan harga Restoran dan Hotel adalah disebabkan oleh kenaikan harga perkhidmatan catering berkontrak. Di samping itu, Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain menunjukkan peningkatan disebabkan oleh kenaikan kadar sewa kediaman. Manakala, kenaikan Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan adalah terutamanya disebabkan oleh peningkatan harga insurans kenderaan.
7. IHP mengukur perubahan harga barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan. Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperolehi melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Laporan penuh IHP bagi bulan Februari 2023 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui <https://deps.mofe.gov.bn>.



Laman Sesawang: jpes.mofe.gov.bn
 E-mel: info.statistics@jpes.gov.bn
 Instagram: @statistics.jpes



جباتن فرانچغن ايكونومي دان ستاتيستيك
 JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
 KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

INDEKS HARGA PENGGUNA

FEBRUARI 2023

Bulan-ke-Bulan

Februari 2023 /
Januari 2023


▲ 0.5%

Tahun-ke-Tahun


Februari 2023 /
Februari 2022

▲ 1.2%

Bulan-ke-Bulan



Tahun-ke-Tahun



Penyumbang Utama Tahun-ke-Tahun

Makanan

▲ 4.5%

Daging



Beras dan Bijirin



Susu, Produk Tenusu dan Telur



Bukan Makanan

▲ 0.3%

Restoran dan Hotel



Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain



Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan



Nota

- IHP mengukur perubahan harga purata bakul barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh isirumah pada waktu yang tertentu.
- Perubahan bulan-ke-bulan bermaksud perbandingan harga dengan bulan sebelumnya.
- Perubahan tahun-ke-tahun bermaksud perbandingan harga dengan tahun sebelumnya.



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

CONSUMER PRICE INDEX
FEBRUARY 2023
BRUNEI DARUSSALAM

MAIN HEADLINE:

CONSUMER PRICE INDEX (CPI) INCREASED BY 0.5 PER CENT IN FEBRUARY 2023 AS COMPARED TO JANUARY 2023

- In February 2023, the Consumer Price Index (CPI) increased by 0.5 per cent month-on-month as compared to January 2023. This was contributed by a 0.5 per cent increase in both the Food and Non-Alcoholic Beverages prices; and the Non-Food prices.*
- The month-on-month increase in Food and Non-Alcoholic Beverages prices was contributed by Vegetables (5.9 per cent); Rice and Cereals (0.4 per cent); and Milk, Dairy Products and Eggs (0.3 per cent). The rise in vegetable prices was due to the increase in the cost of shallots from producing countries. Moreover, the increase in the Non-Food prices was contributed by Clothing and Footwear (9.7 per cent); Furnishings, Household Equipment and Routine Household Maintenance (1.3 per cent); and Recreation and Culture (0.7 per cent).*
- For year-on-year changes, the CPI increased by 1.2 per cent as compared to February 2022. The rise was driven by the increase in prices of Food and Non-Alcoholic Beverages; and Non-Food prices by 4.5 per cent and 0.3 per cent respectively.*
- The year-on-year increase in Food and Non-Alcoholic Beverages prices was due to the rise in Meat (7.6 per cent); Rice and Cereals (6.9 per cent); and Milk, Dairy Products and Eggs (5.4 per cent). The rise in Meat prices, particularly chicken meat, was due to the rising cost of chicken feed. The increase in Rice and Cereals prices was mainly driven by the rise in raw material prices for cakes, pastries and biscuits. Whereas, the increase in the prices of eggs was one of the main components which contributed to the rise in Milk, Dairy Products and Eggs prices.*
- The increase in Non-Food prices was driven by the rise in prices of Restaurants and Hotels (4.2 per cent); Housing, Water, Electricity, Gas and Other Fuels (1.3 per cent); and Miscellaneous Goods and Services (1.3 per cent).*
- The price of Restaurants and Hotels increased due to the rise in price of contract catering services. Whereas, Housing, Water, Electricity, Gas and Other Fuels prices recorded an increase in rentals for housing. Meanwhile, Miscellaneous Goods and Services prices rose mainly due to the increase in the price of vehicle insurance.*
- The CPI is a measure of price changes of goods and services paid by the consumer in a specified period and compiled on a monthly basis. The list of goods and services in the CPI is based on the average expenditure per household from the Household Expenditure Survey (HES). The CPI full report for February 2023 is available from the DEPS website at <https://deps.mofe.gov.bn>.*



Website: deps.mofe.gov.bn
 Email: info.statistics@jpes.gov.bn
 Instagram: @statistics.jpes



جباتن فرانچن ايكونومي دان ستاتيسيكي
 DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
 MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
 BRUNEI DARUSSALAM

CONSUMER PRICE INDEX

FEBRUARY 2023

Month-on-Month

February 2023 /
January 2023


▲ 0.5%

Year-on-Year

February 2023 /
February 2022

▲ 1.2%

Month-on-Month



Year-on-Year



Main Contributors Year-on-Year

Food

▲ 4.5%

Meat



Rice and Cereals



Milk, Dairy Products and Eggs



Non-Food

▲ 0.3%

Restaurants and Hotels



Housing, Water, Electricity, Gas and Other Fuels



Miscellaneous Goods and Services



Notes

- CPI measures the average change of prices of a fixed basket of goods and services paid by households in a certain period of time.
- Month-on-Month means to compare prices with the previous month.
- Year-on-Year means to compare prices with the same month in the previous year.